

**HUBUNGAN PENDIDIKAN, PENGALAMAN
KERJA, PERSEKITARAN PERNIAGAAN DAN
PEMIKIRAN STRATEGIK TERHADAP
KEJAYAAN USAHAWAN
DI INDONESIA DAN MALAYSIA**



EDAH RUNENGSIH TALIM

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**HUBUNGAN PENDIDIKAN, PENGALAMAN
KERJA, PERSEKITARAN PERNIAGAAN DAN
PEMIKIRAN STRATEGIK TERHADAP
KEJAYAAN USAHAWAN
DI INDONESIA DAN MALAYSIA**

EDAH RUNENSIH TALIM



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **HUBUNGAN PENDIDIKAN, PENGALAMAN KERJA, PERSEKITARAN PERNIAGAAN DAN PEMIKIRAN STRATEGIK TERHADAP KEJAYAAN USAHAWAN DI INDONESIA DAN MALAYSIA**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **KEUSAHAWANAN**

Saya **EDAH RUNENSIH TALIM**, Sesi **2013-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



**EDAH RUNENSIH
TALIM DB1311011A**

Disahkan Oleh,

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawam)

Tarikh : 6 November 2020



.....
(Dr Ramraini Ali Hasan)
Penyelia Utama


PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 November 2020



.....
Edah Runengsih Talim
DB 1311011 A



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **EDAH RUNENSIH TALIM**
NO MATRIK : **DB1311011A**
TAJUK : **HUBUNGAN PENDIDIKAN, PENGALAMAN
KERJA, PERSEKITARAN PERNIAGAAN, DAN
PEMIKIRAN STRATEGIK TERHADAP KEJAYAAN
USAHAWAN DI INDONESIA DAN MALAYSIA**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**
BIDANG : **KEUSAHAWANAN**
TARIKH VIVA : **5 OGOS 2020**



1. PENYELIA UTAMA

Dr. Ramraini Ali Hasan

DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Wahai Allah restu dan sejahteralah junjungan kami Nabi Muhamad SAW, keluarga dan para sahabat baginda. Syukur terhadap Allah yang Maha Esa karena dengan limpah kurnia-Nya saya diberi kekuatan dan peluang untuk menyiapkan tesis ini dengan perjalanan yang tidak ternilai.

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Ramraini Ali Hasan (penyelia utama) dan Prof. Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa (penyelia bersama) atas segala tunjuk ajar, kesabaran dan bimbingan kepada saya sehingga tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Terimakasih juga kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Terimakasih juga kepada keluarga terutamanya suami Shaharul Niza Mohamad, anak-anak, ibu dan papa, mama dan abah, sahabat handai dikasihi dan para rekan seperjuangan serta sesiapa sahaja atas sokongan yang diberikan untuk menyiapkan tesis ini.

Usaha menghasilkan tesis ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan banyak pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tingginya dan jutaan terima kasih.

Edah Runengsih Talim

6 November 2020

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara pendidikan, pengalaman kerja dan persekitaran perniagaan terhadap pemikiran strategik dan kejayaan usahawan di Malaysia dan Indonesia. Sebanyak 460 borang soal selidik telah diedarkan kepada usahawan bumiputera di Kota Kinabalu dan di Kota Bandung, tetapi hanya 404 borang soal selidik sahaja yang boleh digunakan. Kajian ini dijalankan dengan pendekatan kuantitatif, di mana kesahan data diukur dengan menggunakan perisian PLS iaitu melalui penilaian kebolehpercayaan item individu, kebolehpercayaan ketekalan dalaman, kesahan konvergen dan kesahan diskriminasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa kejayaan usahawan di Malaysia dan di Indonesia dipengaruhi secara signifikan oleh pendidikan *non-formal*, pendidikan *informal* dan pengalaman kerja. Selaras dengan itu, pemikiran strategik berjaya menjadi pencelah hubungan di antara pendidikan dan pengalaman kerja terhadap kejayaan usahawan. Manakala persekitaran perniagaan gagal menjadi penyederhana hubungan di antara pemikiran strategik dan kejayaan usahawan. Kajian ini memberi gambaran kepada usahawan secara umum, dan khususnya masyarakat awam akan pentingnya pendidikan, pengalaman kerja dan pemikiran strategik dalam menggalakkan kejayaan usahawan.

Kata kunci: Kejayaan Usahawan, Pemikiran Strategik, Pendidikan Formal, Pendidikan *Non-formal*, Pendidikan *Informal*, Pengalaman Kerja dan Persekitaran Perniagaan.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP OF EDUCATION, WORK EXPERIENCE, BUSINESS ENVIRONMENT AND STRATEGIC THINKING TO ENTREPRENEUR SUCCESS IN MALAYSIA AND INDONESIA

This main objective of this research is to identify the relation between education, working experience and business environment to strategic thinking and entrepreneurial success in Malaysia and Indonesia. 460 questionnaire forms were distributed to Bumiputera entrepreneurs in Kota Kinabalu and Kota Bandung, but only 404 questionnaire forms can be used. This research is conducted using quantitative approach, where the data reliability is measured using PLS, that is to evaluate indicator reliability, internal consistency, convergent validity and discrimination validity. The research findings show that the success of entrepreneurs in Malaysia and Indonesia is significantly influenced by non-formal education, strategic thinking and working experience. In line with that, strategic thinking succeeds in mediating between education and working experience for successful entrepreneurs, while business environment fails to moderate the relation between strategic thinking and entrepreneurial success. From this research, entrepreneurs and especially to the public can learn how important education, working experience and strategic thinking are in encouraging entrepreneurial success.

Key words: Entrepreneurs Success, Strategic Thinking, Formal Education, Non-formal education, Informal education, working experience, and business environment.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Kawasan Kajian	12
1.7 Signifikan Kajian	13
1.8 Definisi	16
1.9 Ringkasan Bab	17
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kejayaan Usahawan	18
2.3 Pemikiran Strategik	22
2.4 Pendidikan	27
2.4.1 Pendidikan Formal	31
2.4.2 Pendidikan <i>Non-formal</i>	33
2.4.3 Pendidikan <i>Informal</i>	38
2.5 Pengalaman Kerja	43
2.6 Persekitaran Perniagaan	47

2.7	Hubungan Pendidikan dengan Kejayaan	50
2.7.1	Hubungan Pendidikan Formal dengan Kejayaan Usahawan	50
2.7.2	Hubungan Pendidikan <i>Non-formal</i> dengan Kejayaan Usahawan	52
2.7.3	Hubungan Pendidikan <i>Informal</i> dengan Kejayaan Usahawan	53
2.7.4	Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan Usahawan	54
2.8	Hubungan Pendidikan dengan Pemikiran Strategik	55
2.8.1	Hubungan Pendidikan Formal dengan Pemikiran Strategik	55
2.8.2	Hubungan Pendidikan <i>Non-formal</i> dengan Pemikiran Strategik	57
2.8.3	Hubungan Pendidikan <i>Informal</i> dengan Pemikiran Strategik	57
2.8.4	Hubungan Pengalaman Kerja dengan Pemikiran Strategik	58
2.9	Pemikiran Strategik sebagai Pencelah	60
2.10	Persekitaran Perniagaan sebagai Penyederhana Hubungan	63
2.11	Pembangunan PKS di Malaysia dan Indonesia	67
a.	Malaysia	67
b.	Indonesia	68
2.12	Teori dalam Kejayaan Usahawan dan Pemikiran Strategik	78
a.	<i>Resource Based View Theory</i>	79
b.	Kejayaan Usahawan dalam Teori <i>Resource Based View</i>	80
c.	<i>Rational Choice Theory</i>	82
d.	Pemikiran Strategik dalam <i>Rational Choice Theory</i>	86
2.13	Ringkasan Bab	87
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	88
3.2	Paradigma Kajian	88
3.3	Pendekatan Penyelidikan	89
3.4	Kerangka Kajian	89
3.5	Hipotesis Kajian	92
3.6	Rekabentuk Kajian	98
3.6.1	Populasi	99
3.6.2	Unit Analisis	100
3.6.3	Rekabentuk Persampelan	100
3.6.4	Saiz Sampel	101
3.7	Instrumen Pengukuran	104
3.7.1	Bahagian Satu: Profil Demografi	104
3.7.2	Bahagian Dua: Pendidikan <i>Non-formal</i>	105
3.7.3	Bahagian Tiga: Pendidikan <i>Informal</i>	105
3.7.4	Bahagian Empat: Pemikiran Strategik	106

3.6.5	Bahagian Lima: Persekitaran Perniagaan	107
3.6.6	Bahagian Nam: Kejayaan Usahawan	107
3.8	Pengumpulan Data	108
3.9	Kadar Maklum Balas	110
3.10	Analisis Data	110
a.	<i>Statistical Data For Social Science (SPSS)</i>	111
b.	Analisis Deskriptif	111
c.	<i>Partial Least Square (PLS)</i>	112
d.	Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Pengukuran	112
e.	Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Strukturan	113
f.	Pengujian Perantara (<i>Mediation</i>)	113
3.11	Ringkasan Bab	114


BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	115
4.2	Gambaran Keseluruhan Pengumpulan Data	116
4.3	Maklumat Deskriptif Sampel Kajian	116
4.3.1	Kota Kinabalu, Malaysia	116
4.3.2	Kota Bandung, Indonesia	118
4.4	Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Pengukuran	121
4.4.1	Kebolehpercayaan Komposit (CR)	124
4.4.2	Kebolehpercayaan Petunjuk	124
4.4.3	Kesahan Menumpu	124
4.4.4	Kesahan Diskriminan	125
4.5	Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Struktural	127
4.5.1	Varians Pembolehubah Endogenus (R^2)	128
4.5.2	Penilaian Kesan Saiz (f^2)	129
4.5.3	<i>Collinearity Statistic (VIF)</i>	129
4.5.4	Penilaian Ramalan Kerelevanan (Q^2)	130
4.6	Ujian Hipotesis	131
4.7	Ringkasan Bab	134

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	137
5.2	Penemuan Kajian Utama	137
5.2.1	Hubungan Pendidikan dengan Kejayaan Usahawan	137
a.	Hubungan Pendidikan Formal dan Kejayaan Usahawan	138
b.	Hubungan Pendidikan <i>Non-formal</i> dan Kejayaan Usahawan	139

c.	Hubungan Pendidikan <i>Informal</i> dan Kejayaan Usahawan	141
d.	Hubungan Pengalaman Kerja dan Kejayaan Usahawan	142
5.2.2	Hubungan Pendidikan dengan Pemikiran Strategik	143
a.	Hubungan Pendidikan Formal dan Pemikiran Strategik	144
b.	Hubungan Pendidikan <i>Non-formal</i> dan Pemikiran Strategik	145
c.	Hubungan Pendidikan <i>Informal</i> dan Pemikiran Strategik	146
d.	Hubungan Pengalaman Kerja dan Pemikiran Strategik	148
5.2.3	Hubungan di antara Pemikiran Strategik dengan Kejayaan Usahawan	149
5.2.4	Pemikiran Strategik Sebagai Pencelah Hubungan Kejayaan Usahawan di antara Pendidikan dan Pengalaman Kerja	150
5.2.5	Persekitaran Perniagaan Sebagai Penyederhana Hubungan di antara Pemikiran Strategik dan Kejayaan Usahawan	152
5.3	Implikasi Kajian	153
5.3.1	Implikasi Teori	153
5.3.2	Implikasi Praktikal	157
5.4	Limitasi Dan Cadangan Kajian	161
5.5	Kesimpulan Bab	163
RUJUKAN		164




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Ciri Pendidikan Formal, <i>Non-formal</i> dan <i>Informal</i>	30
Jadual 2.2 : Perbezaan PKS di Malaysia dan Indonesia	70
Jadual 2.3 : Program Pembangunan PKS di Malaysia dan Indonesia	72
Jadual 3.1 : penentuan saiz sampel krejcie dan Morgan	102
Jadual 3.2 : Ringkasan Sorotan Kajian Lepas yang diambil dan diubahsuai untuk Soal Kaji Selidik	104
Jadual 3.3 : Item Soal Selidik Bahagian Demografi	105
Jadual 3.4 : Item Soal Selidik Bahagian Pendidikan <i>Non-formal</i>	105
Jadual 3.5 : Item Soal Selidik Bahagian Pendidikan <i>In-formal</i>	106
Jadual 3.6 : Item Soal Selidik Bahagian Pemikiran Strategik	106
Jadual 3.7 : Item Soal Selidik Bahagian Persekitaran Perniagaan	107
Jadual 3.8 : Item Soal Selidik Bahagian Kejayaan usahawan	108
Jadual 4.1 : Profil responden Kota Bandung	118
Jadual 4.2 : Profil responden Kota Kinabalu	120
Jadual 4.3 : <i>Loading</i> , <i>CR</i> , dan <i>AVE</i>	123
Jadual 4.4 : Faktor Muatan Silang	126
Jadual 4.5 : Fornell dan Larcker	126
Jadual 4.6 : HTMT	127
Jadual 4.7 : Varian Pembolehubah Endogenous	128
Jadual 4.8 : Penilaian Saiz Kesan	129
Jadual 4.9 : VIF	130
Jadual 4.10: Penilaian Ramalan Kerelevanan (Q^2)	130
Jadual 4.11: Ujian hipotesis <i>Direct relationship</i>	131
Jadual 4.12: Ujian hipotesis <i>Indirect</i>	133

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1 :	Kerangka teori RBV (Barney, 1991)	79
Rajah 3.1 :	Rekabentuk Kajian	90
Rajah 4.1	Pengukuran model kajian sebelum dihapus	122
Rajah 4.2	Pengukuran model kajian setelah dihapus	123
Rajah 5.1 :	Kerangka Kajian Akhir	163



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SME	<i>Small and Medium Enterprise</i>
BPS	Badan Pusat Statistik
UKM	Us Usaha Kecil dan Menengah
KUKM	Kementerian Koperasi Usaha Kecil dan Menengah
UMKM	Usaha Mikro Kecil dan Menengah
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organization</i>
SMIDEC	<i>Small and Medium Industries Development Corporation</i>
NSDC	<i>National SME Development Council</i>
SME Corp	<i>Small and Medium Enterprise Corporation</i>
KEPPRES	Keputusan Presiden
SPSS	<i>Statistic Package for Social Science</i>
PLS	<i>Partial Least Square</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SD	Sekolah Dasar
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SMA	Sekolah Menengah Atas
IPA	Ilmu Pengetahuan Alam
IPS	Ilmu Pengetahuan Sosial
CR	<i>Composite Reliability</i>
AVE	Average Variance Extract
VIF	Variance Inflation Factor
HTMT	<i>Heteroit-Monotrait Ratio</i>
NSDC	<i>National Development Council</i>
KDNK	Keluaran dalam Negara Kasar

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memberikan gambaran ringkas mengenai keseluruhan penyelidikan dengan tujuan untuk mempermudah dalam memahami isi kajian. Secara umum, kajian ini membincangkan faktor bukan kewangan yang berhubungan dengan kejayaan usahawan bumiputera di Kota Kinabalu dan di Kota Bandung. Ia seperti pendidikan, pengalaman kerja, pemikiran strategik dan persekitaran perniagaan. Pada bab satu ini dibincangkan latar belakang kajian, masalah kajian, soalan kajian dan juga objektif kajian. Selain itu skop kajian dan signifikan kajian juga dibincangkan, diikuti oleh definisi setiap pembolehubah dan kesimpulan bab menjadi penutup pada bab satu ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kejayaan usahawan adalah matlamat utama individu yang menjalankan keusahawanan. Hal ini di sokong oleh Price (2004) yang menyatakan bahawa tujuan usahawan menjalankan perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan. Pada masa ini kesedaran awam tentang aktiviti keusahawanan semakin meningkat. Ini terbukti dengan perkembangan pelbagai perniagaan kreatif yang dicipta oleh usahawan. Hal tersebut boleh dilihat dari jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia adalah sebanyak 213.483 ianya adalah usahaha sederhana sebesar 20,612 PKS dan usaha kecil sebanyak 192,781 PKS (SME Corporation

Malaysia, 2019). Manakala jumlah PKS di Indonesia adalah sebanyak 60 juta (Badan Pusat Statistik, 2018), namun yang berdaftar dengan kementerian koperasi dan usaha kecil dan menengah (KUKM) adalah sebanyak 843,834 PKS sahaja, ianya adalah usaha kecil sebanyak 783,132 PKS dan usaha sederhana sebanyak 60,702 PKS (Laporan Tahunan KUKM, 2018).

Keusahawanan bagi sesebuah negara adalah penting untuk memacu pembangunan dan perkembangan ekonomi Hal ini dibuktikan melalui dapatan data nilai keluaran dalam Negara kasar (KDNK) yang setiap tahun meningkat ekoran pertumbuhan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) baik di Malaysia mahupun di Indonesia.

Sebagai penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia, PKS bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan tetapi juga menyumbang kepada peningkatan jumlah simpanan negara dan menjimatkan pertukaran asing. peranan PKS amat penting dalam ekonomi daripada menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk membiayai peluang pekerjaan.

Pada tahun 2016, PKS di Malaysia menyumbang kira-kira 36.6 peratus pada tahun 2015, mencipta 65.3 peratus peluang pekerjaan berbanding 64.5 peratus pada tahun 2015 dan menyumbang kira-kira 18.6 peratus daripada peningkatan eksport Malaysia daripada 17.7 peratus yang direkodkan pada 2015 (Sensus Ekonomi, 2016).

Menurut Laporan Tahunan PKS 2018/2019 oleh Majlis PKS Kebangsaan, sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan mengikut aktiviti ekonomi utama telah meningkat sebanyak RM521.7 bilion atau 38.3 peratus tahun 2018, berbanding RM491.2 bilion iaitu 37.8 peratus tahun 2017. PKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus pada 2018 meningkat berbanding purata pertumbuhan jangka panjangnya sebanyak enam peratus antara 2001 hingga 2017 (Laporan tahunan SME Corporation Malaysia, 2018).

Sejalan dengan PKS di Malaysia yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara, Usaha Kecil dan Menengah (UKM) di Indonesia pun berperanan penting bagi perekonomian Indonesia. Manakala di Indonesia pada tahun 2017 sumbangan PKS adalah sebesar 60.3 peratus dan membuka peluang pekerjaan sebesar 97 peratus. Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (KUKM) menyatakan bahawa dalam tempoh lima tahun terakhir, perolehan Pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Indonesia meningkat daripada 57.8 peratus kepada 60.3 peratus dan nilai eksport sebesar 14.1 peratus (Laporan KUKM, 2018).

UMKM (Usaha Mikro Kecil dan Menengah) adalah salah satu sektor perniagaan yang menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi Indonesia (Jauhari, 2010). Sejalan dengan itu Cahyono dan Suhada (2016) menyatakan peranan UMKM dalam ekonomi Indonesia dapat dilihat sekurang-kurangnya dari kedudukannya sebagai pelaku utama dalam aktiviti ekonomi di pelbagai sektor, penyedia pekerjaan terbesar. UMKM berperanan penting dalam pembangunan ekonomi dan pemberdayaan ekonomi tempatan, pencipta pasaran baru dan sumber inovasi. Selain itu, UMKM juga mengekalkan

keseimbangan pembayaran melalui kegiatan ekspor masyarakat sehingga mengurangi kemiskinan. Pembangunan PKS yang membawa impak ekonomi negara secara positif baik di Malaysia mahupun di Indonesia, ianya tidak lari dari peranan SME corporation malaysia sebagai agensi penyelaras utama di Malaysia, dan juga kementerian koperasi dan usaha kecil dan menengah (KUKM) yang bertanggung jawab terhadap pembangunan PKS di Indonesia.

SME corporation Malaysia bawah kementerian perdagangan antarabangsa dan industri yang bertanggungjawab untuk menguatkan dasar dan strategi komprehensif untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menyelaraskan pengimplementasian program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang dikendalikan oleh semua kementerian dan agensi berkaitan. Ia berfungsi sebagai pusat rujukan utama bagi penyelidikan dan penyebaran maklumat serta menyediakan khidmat nasihat untuk perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Perbadanan SME Malaysia juga berfungsi sebagai sekretariat kepada *Nasional SME Development Council* (NSDC), yang dipengerusikan oleh perdana menteri Malaysia.

Sementara itu, pengurusan PKS di Indonesia adalah di bawah Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (KUKM) yang bertugas mengatur urusan di bidang koperasi dan usaha kecil dan menengah untuk membantu presiden dalam menyelenggarakan pemerintahan negara. Sama halnya dengan SME corporation malaysia, KUKM pun menyediakan pelbagai program bagi pembangunan PKS di Indonesia bagi menggalakkan kejayaan usahawan.

Malaysia dan Indonesia adalah negara rumpun melayu yang memiliki banyak kesamaan, salah satunya adalah majoriti warganya adalah bumiputera. Oleh itu, kedua Negara memiliki kriteria yang sama sebagai seorang melayu seperti beragama Islam, bertutur dalam bahasa melayu secara lazim dan mengamalkan adat istiadat Melayu (Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan).

Berdasarkan kajian terdahulu beberapa perkara penting yang boleh menggalakkan kejayaan usahawan di antaranya adalah pendidikan (Nor Hafiza Othman *et al.*, 2017; Millan *et al.*, 2014), pengalaman kerja (Nor Hafiza Othman *et al.*, 2017), pemikiran strategik (Pisapia & Jelenc, 2016; Bonn, 2001) dan yang terakhir adalah persekitaran perniagaan (Aleksandr *et al.*, 2016; Kloviene, 2012).

Faktor pertama yang boleh menggalakkan kejayaan usahawan adalah Pendidikan (Nor Hafiza Othman, 2017; Aleksandr *et al.*, 2016; Millan, *et al.*, 2014; Unger, *et al.*, 2011; Praag, *et al.*, 2013). Sejalan dengan temuan Aleksandr *et al.*, (2016) bahawa usahawan dengan pendidikan tinggi lebih bersedia dalam keusahawanan.

Dimov (2016) menyebutkan kumpulan pengetahuan dan kemahiran yang berasal dari pendidikan bermanfaat dalam keusahawanan. Sejalan dengan itu, Lough (2015) menambahkan bahawa semakin banyak pendidikan yang dimiliki oleh usahawan semakin efisien pula dalam kewangan dan pengurusan, ini menjadikan usahawan boleh berjaya.

Walaupun pendidikan formal memiliki peran penting dalam dunia pendidikan, namun sekolah bukan lagi satu-satunya tempat di mana pendidikan boleh dilaksanakan (Coll *et al.*, 2013). Sejalan dengan itu Abele *et al.*, (2012) menyimpulkan bahawa usahawan memerlukan bantuan keilmuan seperti sokongan pendidikan iaitu latihan, seminar, konsultasi dan kursus seperti bengkel yang boleh diperolehi bukan di sekolah. Oleh kerananya, pendidikan dalam kajian ini merujuk kepada tiga bentuk pendidikan iaitu pendidikan formal, pendidikan *non-formal* dan *pendidikan informal*.

Kedua, faktor yang boleh menggalakkan kejayaan usahawan adalah pengalaman kerja (Nor Hafiza Othman *et al.*, 2017). Pengalaman kerja memberikan ilmu dan kemahiran kepada usahawan yang boleh digunapakai dalam keusahawanan (Dimov, 2016), kerana pengalaman boleh membentuk perilaku seseorang individu. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang usahawan tersebut mempunyai pengalaman kerja maka usahawan tersebut boleh mengelakkan sebarang kesilapan dalam keusahawanan.

Faktor ketiga setelah pendidikan dan pengalaman kerja adalah pemikiran strategik. Ianya juga diperlukan sebagai salah satu kunci kejayaan keusahawanan (Pisapia & Jelenc, 2016; Hisrich *et al.*, 2013; Bonn, 2011). Dinyatakan oleh Bonn (2011) bahawa pemikiran strategik seorang usahawan menjadi faktor penentu kejayaan mahupun kegagalan dalam keusahawanan.

Pemilihan strategi yang tepat dalam pengurusan keusahawanan akan membangunkan keusahawanan secara berkesan dalam tempoh yang lebih pantas

(Kolstrad, *et al.*, 2014; Bonn, 2001; Monnavarian, *et al.*, 2011). Ini adalah kerana, keampuan berfikir secara strategik akan memberi manfaat kepada usahawan dalam menjayakan keusahawanan. Selain daripada itu, ianya juga berkaitan dengan sikap dan cara berfikir yang boleh digunapakai dalam perancangan dan pengurusan keusahawanan (Mintzberg, 1998).

Keempat, persekitaran perniagaan disebutkan oleh Aleksandr *et al.*, (2016) bahawa persekitaran perniagaan yang berkualiti boleh mewujudkan keadaan yang baik untuk pembangunan PKS. sementara itu, Kloviene (2012) menyatakan bahawa mengenal pasti situasi persekitaran luaran boleh mempengaruhi prestasi sesebuah keusahawanan. Oleh yang demikian, seorang usahawan harus mengikuti dinamika persekitaran perniagaan agar boleh terus hidup (Saydam, 2006). Persekitaran perniagaan yang dimaksud dalam kajian ini adalah semua elemen luaran termasuk industri, kerajaan, pelanggan, pembekal, komuniti kewangan dan pesaing (Price, 2004).

1.3 Permasalahan Kajian

Walaupun dikatakan usahawan PKS ini memberi sumbangan yang positif kepada negara, tidak kurang juga usahawan PKS yang tidak mencapai sasaran dan ada juga yang berdepan dengan kegagalan. Usahawan yang tidak berjaya telah memberikan kesan kepada penurunan ekonomi negara melalui penurunan nilai KDNK dan nilai eksport negara. Manakala salah satu punca kegagalan usahawan kerana mereka memulakan keusahawanan tanpa menghadiri sebarang latihan asas yang meliputi aspek penting dalam bidang keusahawanan (Ladzani & Julie, 2002).

Beberapa kajian terdahulu berpendapat bahawa pendidikan dan pengalaman kerja tidak memiliki hubungan yang signifikan terhadap prestasi keusahawanan (Ucbasaran, 2008; Davidson & Honig, 2003). Sejalan dengan itu, Jelene *et al.*, (2015) melaporkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan di antara kejayaan usahawan dan pendidikan. Hal ini selaras dengan kajian Unger *et al.*, (2011) yang menyatakan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan di antara pendidikan dengan kejayaan usahawan.

Sebaliknya (Nor Hafiza Othman, 2017; Muhammad Rijal *et al.*, 2016; Aleksandr *et al.*, 2016; Millan, *et al.*, 2014; Unger, *et al.*, 2011; Praag, *et al.*, 2008) justeru menyebutkan bahawa pendidikan adalah salah faktor utama yang boleh menggalakkan kejayaan usahawan. Sejalan dengan itu temuan Aleksandr *et al.*, (2016) menyatakan bahawa usahawan dengan pendidikan tinggi lebih bersedia dalam keusahawanan.

Setiap individu usahawan memiliki masalah yang berbeza dalam keusahawanan. Sudah disebutkan sebelumnya bahawa tingkat pendidikan merupakan salah satu pendorong kejayaan usahawan (Muhammad Rijal *et al.*, 2016). Namun demikian, tidak semua individu usahawan memiliki kesempatan yang sama dalam pendidikan. Pendidikan yang mahal dan kesukaran untuk mendapatkan akses bagi melanjutkan pengajian merupakan salah satu penyebab kesukaran memperoleh pendidikan tinggi.

Selain daripada itu faktor kewangan/ekonomi keluarga kadangkala menjadi halangan, begitu juga dengan faktor geografi seperti lokasi fasiliti pendidikan yang

jauh dan sukar dijangkau bagi sesetengah individu sehingga menjadi penyebab tidak mendapat pendidikan lebih tinggi. Oleh kerana itu pendidikan formal sahaja tidak akan mencukupi keperluan pendidikan individu. Masyarakat perlu memperolehi pendidikan dengan cara yang lain, baik melalui pendidikan *non-formal* atau pun pendidikan *informal*.

Faktor kedua yang boleh menggalakkan kejayaan usahawan setelah pendidikan adalah pengalaman bekerja. Memulai keusahawanan tanpa sebarang pengalaman bekerja boleh menjadi penyebab seseorang individu usahawan kurang ilmu atau pun pengetahuan asas yang boleh menjejaskan perniagaan. Pengalaman kerja pun disebutkan boleh membantu seseorang individu usahawan berjaya (Nor Hafiza Othman *et al.*, 2017). Meskipun begitu, dalam kajian terdahulu yang dijalankan oleh West & Neel (2009), Davidson dan Honig (2003) menunjukkan bahawa pengalaman kerja tidak memiliki hubungan yang signifikan terhadap prestasi keusahawanan. Sejalan dengan itu, pemikiran strategik seseorang individu usahawan pun boleh membantu dalam menggalakkan kejayaan usahawan (Pisapia & Jelenc, Kearney, *et al.*, 2013; 2016; Bonn, 2011). Tetapi tidak banyak usahawan yang memiliki kebolehan ini.

Selain daripada itu, kesesuaian persekitaran perniagaan merupakan faktor utama dalam keusahawanan (Spinelli & Adam, 2013). Tetapi pada kenyataannya persekitaran perniagaan yang kerap berubah dan hal ini memberikan banyak cabaran kepada usahawan (Pearce & Robinson, 2010; Hunger & Wheleen, 2012). Sifat perubahan yang sering berlaku ini cukup menyulitkan usahawan kerana mereka menghadapi ketidakpastian (Kearney *et al.*, 2013).